# JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

## LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

7 - 9 FEBRUARI 2026 (SABTU - ISNIN)

| KPKM Lulus Import Daging Khinzir dari Brazil, Thailand | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Sinar Harian | Nasional | Dalam Talian | 6 Feb |




*KPKM menerusi DVS meluluskan pengimportan daging khinzir dari Brazil dan Thailand sebagai langkah menampung keperluan bekalan daging khinzir di pasaran tempatan semasa musim perayaan Tahun Baharu Cina.*

PUTRAJAYA – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) meluluskan pengimportan daging khinzir dari Brazil dan Thailand sebagai langkah menampung keperluan bekalan daging khinzir di pasaran tempatan semasa musim perayaan Tahun Baharu Cina.

KPKM menerusi kenyataan pada Jumaat memaklumkan bahawa semua daging khinzir yang diimport tertakluk kepada pematuhan kawalan keselamatan makanan serta prosedur operasi standard (SOP) kesihatan veterinar yang telah ditetapkan.

Langkah itu bertujuan memastikan bekalan makanan import kekal selamat untuk pengguna, selain mengurangkan risiko penularan penyakit ke dalam negara.

“Para pengimport tempatan boleh merujuk laman

sesawang rasmi DVS bagi mendapatkan senarai tiga abatoir yang diluluskan di Brazil serta empat abatoir yang diluluskan di Thailand bagi tujuan pengimportan daging khinzir tersebut," menurut kenyataan itu.- SINARHARIAN

| DVS Lulus Import Daging Babi dari Thailand Dan Brazil, Tampung Permintaan TBC | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Utusan Borneo | Nasional | Dalam Talian | 5 Feb |



Gambar hiasan BERNAMA

PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) meluluskan pengimportan daging babi dari Thailand dan Brazil untuk menampung keperluan bekalan di pasaran tempatan semasa musim perayaan Tahun Baharu Cina (TBC).

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memaklumkan kerajaan sentiasa cakna terhadap kecukupan bekalan daging itu bagi menampung keperluan tempatan semasa musim perayaan tersebut.

"Sehubungan itu, pengimport tempatan boleh merujuk kepada laman sesawang rasmi DVS iaitu https://www.dvs.gov.my/ bagi mendapatkan senarai abatoir yang diluluskan di Brazil (3 abatoir) dan Thailand (4 abatoir) bagi tujuan pengimportan daging tersebut," menurut kenyataan itu hari ini.

KPKM memaklumkan semua daging khinzir yang diimport adalah tertakluk kepada pematuhan kawalan keselamatan makanan dan Prosedur Operasi Standard

(SOP) kesihatan veterinar yang telah ditetapkan bagi memastikan rantaian bekalan makanan yang diimport kekal selamat serta mengurangkan risiko penularan penyakit dalam negara.

"Melalui pelaksanaan langkah strategik ini, kementerian kekal komited dalam memperkukuh keterjaminan bekalan makanan negara serta melindungi kepentingan pengguna secara berterusan," menurut kenyataan itu.- UTUSANBORNEO

| DVS Meluluskan Import Daging Babi dari Thailand, Brazil Untuk Tahun Baru Cina | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Suara Merdeka | Nasional | Dalam Talian | 6 Feb |

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah meluluskan import daging babi dari Thailand dan Brazil untuk memenuhi permintaan sepanjang tempoh Tahun Baru Cina.

Kementerian Pertanian dan Keselamatan Makanan berkata kerajaan tetap prihatin dalam memastikan bekalan daging babi yang mencukupi untuk menyokong keperluan tempatan semasa musim perayaan.

"Pengimport tempatan dinasihatkan untuk merujuk laman web rasmi DVS di www.dvs.gov.my untuk senarai rumah sembelihan yang diluluskan – tiga di Brazil dan empat di Thailand, untuk import," kata kementerian itu dalam satu kenyataan pada hari Jumaat (6 Feb).

Kementerian itu berkata semua daging babi yang diimport tertakluk kepada kawalan keselamatan makanan yang ketat dan prosedur operasi standard kesihatan veterinar untuk memastikan rantaian bekalan makanan yang selamat dan mengurangkan risiko penularan penyakit.- SUARAMERDEKA

| DVS Clears Pork Imports From Thailand, Brazil Ahead Of CNY | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| NST | Nation | Dalam Talian | 6 Feb |



*The Agriculture and Food Security Ministry said the government remains attentive to ensuring sufficient pork supplies to support local needs during the festive period. — NSTP File pic.*

PUTRAJAYA: The Department of Veterinary Services (DVS) has approved the import of pork from Thailand and Brazil to meet domestic demand ahead of the Chinese New Year celebration.

The Agriculture and Food Security Ministry said the government remains attentive to ensuring sufficient pork supplies to support local needs during the festive period.

"Local importers are advised to refer to the DVS official website for the list of approved abattoirs — three in Brazil and four in Thailand — for import purposes," the ministry said in a statement today.

-Advertisement-

It said all imported pork is subject to strict food safety controls and veterinary health standard operating procedures to ensure a safe food supply chain and minimise the risk of disease transmission.

The ministry added that the measures reflect its continued commitment to strengthening national food security and safeguarding consumer interests.-NST

| DVS Clears Pork Imports From Thailand, Brazil To Meet CNY Demand | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Business Today | News | Dalam Talian | 6 Feb |



The Department of Veterinary Services (DVS) has approved pork imports from Thailand and Brazil to ensure sufficient supply in the domestic market ahead of the Chinese New Year festive season.

The Ministry of Agriculture and Food Security (KPKM) said the move is part of the government's ongoing effort to maintain adequate food supply and stabilise market availability during peak demand periods.

Local importers have been advised to refer to DVS' official website for the list of approved abattoirs — three in Brazil and four in Thailand — authorised for pork export to Malaysia.

KPKM stressed that all imported pork is subject to strict food safety controls and veterinary health standard operating procedures (SOPs) to ensure supply chain safety and minimise disease risks.

The ministry said the measure reflects its continued commitment to strengthening national food security and safeguarding

consumer interests.-

| DVS Approves Pork Imports From Thailand, Brazil For CNY | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Suara Merdeka | Nasional | Dalam Talian | 6 Feb |

PUTRAJAYA: The Veterinary Services Department (DVS) has approved the import of pork from Thailand and Brazil to meet demand over the Chinese New Year period.

The Agriculture and Food Security Ministry said the government remains attentive in ensuring there is adequate pork supply to support local needs during the festive season.

"Local importers are advised to refer to the DVS official website at www.dvs.gov.my for the list of approved abattoirs – three in Brazil and four in Thailand, for imports," the ministry said in a statement on Friday (Feb 6).

The ministry said all imported pork is subject to strict food safety controls and veterinary health standard operating procedures to ensure a safe food supply chain and reduce the risk of disease transmission.-THESTAR

| Dvs Green-lights Pork Imports From Thailand, Brazil Ahead Of Cny | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| MSN | News | Dalam Talian | 6 Feb |



*Three abattoirs in Brazil and four in Thailand have been approved for pork exports to Malaysia, said the agriculture and food security ministry. (Envato Elements pic)*

PUTRAJAYA: The veterinary services department (DVS) has approved imports of pork from Thailand and Brazil to ensure sufficient supply ahead of the Chinese New Year festivities.

In a statement, the agriculture and food security ministry said the decision was made in anticipation of heightened demand during the festive season.

It said three abattoirs in Brazil and four in Thailand had been approved for pork exports to Malaysia, and that local importers were advised to refer to DVS's website for the full list of approved facilities.

The ministry said that all imported pork would be subject to strict food safety controls and veterinary SOPs.

"The ministry remains committed to safeguarding national food security while protecting consumer interests," it said.-MSN

| Tak Dapat Kebenaran Merancang, Projek Ladang Babi di Perak Diarah Henti | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| FMT | News | Dalam Talian | 6 Feb |



*Exco Perak A Sivanesan berkata hukuman seperti kompaun wajar dikenakan kerana kerja awal di tapak sebelum mendapat kebenaran dan kelulusan tidak patut dinormalisasi. (Gambar Reuters)*

PETALING JAYA: Projek ladang babi moden di Jalan RE, Jalong, Sungai Siput diarahkan berhenti kerana tidak mendapat kebenaran merancang (KM) daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).
Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan, Hal Ehwal Masyarakat India dan Integrasi Nasional Perak, A Sivanesan, berkata tindakan itu kerana kerja pembangunan atau pembinaan kandang dilaksanakan tanpa KM.

"PBT akan menyiasat dan maklumkan kerana saya bertanggungjawab untuk penstrukturan semula ladang babi di Perak.

"Bukan saja ladang babi, malah mana-mana pembangunan atau pembinaan tanpa KM melanggar undang-undang," katanya menurut Berita Harian selepas merasmikan Sambutan Ulang Tahun ke-30 Hospital Pantai Ipoh.

Terdahulu, Ketua Pemuda

Umno Sungai Siput, Ariff Zaky Zolkafly, mendakwa pemaju projek ladang babi itu diberi notis menghentikan kerja dan kompaun RM25,000 oleh Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Sungai Siput serta Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK) untuk satu daripada tujuh lot projeknya.

Beliau turut mendakwa pihak merancang pembangunan ladang babi berskala besar seluas 12 hektar itu melakukan kerja awal tapak sejak tiga bulan sebelumnya.

Sivanesan berkata, hukuman seperti kompaun wajar dikenakan kerana kerja awal di tapak sebelum mendapat kebenaran dan kelulusan tidak patut dinormalisasi.

"Kalau tanya saya, (memang) kena bagi kompaun untuk beri pengajaran supaya tidak melanggar di mana-mana. Jangan sudah habis naik tiang atau bina bangunan, baru hendak hantar (permohonan).

"Tambahan pula, ini (projek terletak di) tepi jalan, dalam penglihatan PBT dan bukan dalam hutan. Saya akan lawat tapak projek itu minggu ini untuk memastikan mereka patuh."

Katanya, tiada keperluan Perak melaksanakan penternakan babi berpusat kerana ia mendatangkan risiko jika ternakan dijangkiti penyakit.-FMT

| Tak Sempat Pindah Kambing, Lembu Lebih Setengah Juta Ke Utara | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Kosmo | Negara | Dalam Talian | 8 Feb |



*SEBAHAGIAN haiwan ternakan yang dipercayai diseludup, dirampas dalam Op Taring Kandang di Jalan Gerik-Baling hari ini.*

GERIK – Sebanyak 117 ekor kambing dan 18 ekor lembu dipercayai diseludup dari negeri di Pantai Timur bernilai RM686,300 dirampas dalam Op Taring Kandang di Jalan Gerik-Baling, di sini hari ini.

Operasi pada pukul 3.30 hingga 4 pagi itu dijalankan Cawangan Risik Ibu Pejabat Briged Utara, Pasukan Gerakan Am (PGA) dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perak dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gerik.

Komander Briged Utara PGA Ulu Kinta, Senior Asisten Komisioner Balveer Singh Mahindar Singh berkata, dalam operasi itu, seramai empat lelaki tempatan berusia 23 hingga 35 tahun ditahan.

Mereka dipercayai terbabit dalam operasi memindahkan haiwan ternakan dari Pantai Timur ke utara tanpa permit atau dokumen kebenaran bertulis daripada JPV.

“Pemeriksaan ke atas dua buah kenderaan itu

menemukan sejumlah lembu dan kambing. Siasatan awal mendapati kesemua haiwan itu diseledup dari negara jiran melalui laluan tikus di sempadan negara," katanya hari ini.

Modus operandi yang digunakan pemandu dan kelindan lori adalah dengan menutup bahagian belakang lori dengan kain kanvas. Keempat-empat lelaki itu dipercayai menjalankan kegiatan tersebut beberapa kali sejak tiga bulan lalu.

"Kes diserahkan kepada JPV Perak untuk siasatan mengikut Perenggan 3(a) Perintah Menteri Besar bagi Perintah Kawasan Kawalan Penyakit Kuku dan Mulut Perak 2008 dan Subseksyen 36(1) Akta Binatang 1953 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 36(7) Akta Binatang (Pindaan) 2013 yang membawa hukuman denda maksimum RM15,000. – KOSMO! ONLINE

| Empat Lelaki Ditahan Cuba Seludup Haiwan Ternakan Guna Jalan Tikus | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| BERNAMA | AM | Dalam Talian | 8 Feb |



*Kredit PGA Ulu Kinta*

IPOH: Pasukan Gerakan Am (PGA) menahan empat lelaki tempatan disyaki terlibat kegiatan menyeludup haiwan ternakan tanpa permit menerusi Ops Taring Kandang di Jalan Baling-Gerik di Gerik hari ini.

Komander Briged Utara PGA Ulu Kinta SAC Balveer Singh Mahindar Singh berkata kesemua suspek berusia 23 hingga 35 tahun ditahan dalam kegiatan memindahkan lembu dan kambing tanpa sebarang permit atau dokumen kebenaran bertulis yang sah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

"Pemeriksaan lanjut ke atas dua lori mendapati 117 ekor kambing dan 18 ekor lembu dipercayai diseludup dari negara jiran melalui jalan tikus di sempadan negara,. "Kesemua rampasan termasuk kedua-dua kenderaan dianggarkan RM686,300," katanya dalam kenyataan hari ini.

Balveer Singh berkata pemandu dan kelindan lori menggunakan modus operandi dengan menutup

bahagian belakang lori dengan kain kanvas dan hanya membuka sedikit ruang pada bahagian atas lori untuk pengudaraan bagi haiwan berkenaan.

Beliau berkata suspek dipercayai menjalankan kegiatan itu sejak tiga bulan lepas.

"Kesemua suspek disiasat mengikut Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953 dan haiwan yang dirampas telah diserahkan kepada JPV Perak untuk tindakan lanjut.," katanya.-ASTROAWANI

| Empat Lelaki Ditahan Cuba Seludup Haiwan Ternakan Guna Jalan Tikus | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Astro Awani | Berita Malaysia | Dalam Talian | 8 Feb |



*Pasukan Gerakan Am (PGA) menahan empat lelaki tempatan disyaki terlibat kegiatan menyeludup haiwan ternakan tanpa permit menerusi Ops Taring Kandang di Jalan Baling-Gerik di Gerik hari ini. - Foto hiasan*

IPOH: Pasukan Gerakan Am (PGA) menahan empat lelaki tempatan disyaki terlibat kegiatan menyeludup haiwan ternakan tanpa permit menerusi Ops Taring Kandang di Jalan Baling-Gerik di Gerik hari ini.

Komander Briged Utara PGA Ulu Kinta SAC Balveer Singh Mahindar Singh berkata kesemua suspek berusia 23 hingga 35 tahun ditahan dalam kegiatan memindahkan lembu dan kambing tanpa sebarang permit atau dokumen kebenaran bertulis yang sah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

"Pemeriksaan lanjut ke atas dua lori mendapati 117 ekor kambing dan 18 ekor lembu dipercayai diseludup dari negara jiran melalui jalan tikus di sempadan negara,.
"Kesemua rampasan termasuk kedua-dua kenderaan dianggarkan RM686,300," katanya dalam kenyataan hari ini.

Balveer Singh berkata pemandu dan kelindan lori menggunakan modus operandi dengan menutup bahagian belakang lori dengan kain kanvas dan hanya membuka sedikit ruang pada bahagian atas lori untuk pengudaraan bagi haiwan berkenaan.

Beliau berkata suspek dipercayai menjalankan kegiatan itu sejak tiga bulan lepas.

"Kesemua suspek disiasat mengikut Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953 dan haiwan yang dirampas telah diserahkan kepada JPV Perak untuk tindakan lanjut.," katanya.-ASTROAWANI

| Four Nabbed For Smuggling Livestock Without Permits | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| New Straits Times | Regional | Dalam Talian | 8 Feb |



*The suspects, aged between 23 and 35, were believed to be transporting cattle and goats without valid permits or written authorisation from the Department of Veterinary Services - NSTP FILE PIC, FOR ILLUSTRATION PURPOSES ONLY*

IPOH: Four local men were arrested for smuggling livestock without permits during Op Taring Kandang operations at Jalan Baling-Gerik, near Gerik, today.

General Operations Force (GOF) Ulu Kinta Northern Brigade commander SAC Balveer Singh Mahindar Singh said the suspects, aged between 23 and 35, were believed to be transporting cattle and goats without valid permits or written authorisation from the Department of Veterinary Services (DVS).

"Further inspection of two lorries found 117 goats and 18 cattle, believed to have been smuggled from a neighbouring country via illegal routes along the national border.

"The livestock and the vehicles seized are estimated to be worth RM686,300," he said in a statement today.

Balveer Singh said the

suspects' modus operandi was covering the rear section of the lorries with canvas sheets, leaving only a small opening to provide ventilation for the animals.

He said the suspects were believed to have been active for the past three months.

The suspects are being investigated under Section 36(1) of the Animals Act 1953, and all seized animals have been handed over to the Perak DVS for further action.- NST

# TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR